

BA 28 Jul 84

Utamakan keluarga

PETALING JAYA, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menykrankan ibu-ibu yang bekerja di peringkat dan sektor tertentu mungkin dapat berhenti kerja bila bilangan anak meningkat dan pendapatan suami berupaya menampung keluarga dengan selesa.

Perdana Menteri percaya langkah itu boleh menjamin kejayaan matlamat kerajaan meningkatkan penduduk ke angka 70 juta dalam masa 115 tahun akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir menyarankan ini ketika menggesa wanita mengutamakan pembangunan keluarga untuk memastikan hidup berkeuarga yang lebih stabil dan melahirkan zuriat yang sihat, cerdik, berbudidihahasa dan berdisiplin.

Beliau berkata, wanita sebagai ibu dan pendidik dalam rumahtangga mempunyai tugas penting untuk mendorong keluarga menjadi warga negara yang bertanggungjawab.

Menurutnya, kerana ramai ibu yang bekerja, mereka terpaksa mencari pembantu rumah untuk memelihara anak-anak dan menjaga rumah tangga.

Pembantu rumah yang bersilih-ganti akan menjadikan anak-anak kurang mendapat jagaan dan kemesraan sepadunya dan akibatnya bertambah ramai anak-anak yang terjerumus ke lembah keglatan yang merugikan dan merosakkan tugasnya.

Wanita juga boleh berfungsi sebagai pendorong untuk menentukan arah dan peraliran masyarakat kini. Sebagai hat' nuran) masyarakat, mereka mestilah bersama, menunakan tugas dan mengeluarkan kritik membina," kata

Perdana Menteri ketika merasmikan Persidangan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Peringkat Kebangsaan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) di sini.

Katnnya, walaupun wanita lebih bertanggungjawab membangunkan keluarga, kaum lelaki tidak seharusnya mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai bapa untuk jayakan pembinaan keluarga yang sihat.

Datuk Seri Dr Mahathir menarik perhatian bahawa dalam usaha membangunkan keluarga, kaum wanita tidak seharusnya mengabaikan nilai-nilai kebudayaan, adat resam dan agama.

Pembangunan boleh dicapai tanpa mengabaikan nilai-nilai kebudayaan, adat resam dan agama kerana perubahan sosial yang dialami dalam tempoh 27 tahun lalu telah membuktikan membawa banyak kebai-

kan," ujarnya. Bagaimanapun, tamahnya, ada juga perubahan sosial yang mengancam kebudayaan, perpaduan, adat resam dan agama.

Dengan itu, Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan bahawa pembangunan keluarga adalah penting untuk menjamin kehidupan keluarga yang stabil, sihat, cerdik dan berdisiplin.

Perdana Menteri juga mencadangkan supaya kaum wanita terutama pertubuhan-perfubuhan wanita mencari langkah yang dapat mengimbangkan kemajuan kekeuargaan dengan kemajuan ekonomi dan sosial.

"Langkah yang bertepatan mestilah difikirkan supaya ibu-ibu dapat menjalankan tanggungjawab sepatutnya terhadap keluarga masing-masing di samping mencari kemajuan dari segi pekerjaan dan kerjaya," ujarnya.

Beliau juga menyatakan bahawa kerajaan

akan memberi perhatian kepada persoalan yang berkaitan dengan masalah wanita dalam kerajaan.